

Angkasa mohon mesyuarat tahunan ditangguh

Pandemik Covid-19 jejas kehadiran ahli koperasi

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

KUALA LUMPUR

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memohon pertimbangan kerajaan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melanjutkan penangguhan mesyuarat agung tahunan sehingga tahun hadapan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kebanyakan koperasi di negara ini berdepan kesukaran berikutan beberapa masalah antaranya melibatkan jumlah kehadiran berikutan penularan Covid-19.

Katanya, tempoh yang diberikan setiap koperasi bagi melaksanakan mesyuarat agung tahunan sehingga 31 Disember ini juga tidak mencukupi berikutan kekangan tersebut.

“Contohnya, sekiranya koperasi itu bersifat nasional, pelaksanaannya pasti sukar kerana melibatkan jumlah yang ramai,” katanya selepas Program



Abdul Fattah (tiga dari kiri) beramah mesra dengan salah seorang penerima dalam program di Dewan Masyarakat Taman Selasih, semalam.

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) CoopCare kepada Pertubuhan Ibu Tunggal dan Wanita Melayu Malaysia (Perhawa) di Dewan Masyarakat Taman Selasih, di sini semalam.

SKM menerusi satu kenyataan sebelum ini memaklumkan semua koperasi diberi pelanjutan tempoh sehingga 31 Disember ini untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan selaras dengan Seksyen 39(1) Akta Koperasi 1993.

Selain itu, SKM berkata, langkah berkenaan juga diambil berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dilanjutkan.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, Angkasa juga telah memanjangkan perkara itu kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar bagi memohon pertimbangan daripada pihak terlibat.

Dalam pada itu, mengulas mengenai pelaksanaan program berkenan, Abdul Fattah berkata, seramai 50 keluarga terdiri daripada ibu tunggal, ibu tunggal, ibu tunggal orang kurang upaya (OKU) serta ibu tunggal warga emas menerima sumbangan barangan keperluan asas harian.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA